

## KESEDARAN PENGGUNA DI MALAYSIA TERHADAP PRODUK BERASASKAN LOGO HALAL

Nurshafika Zulkarnain<sup>a</sup>, Nur Anisah Rosli<sup>b</sup>, Fatin Nazura Jamali<sup>c</sup>, Nur Aina Afieqah Md Zulazli<sup>d</sup>, Nor Tasik Misba<sup>e\*</sup>

<sup>a</sup>UiTM Kampus Bandaraya Melaka, [2022876604@student.uitm.edu.my](mailto:2022876604@student.uitm.edu.my)

<sup>b</sup>UiTM Kampus Bandaraya Melaka, [202245856@student.uitm.edu.my](mailto:202245856@student.uitm.edu.my)

<sup>c</sup>UiTM Kampus Bandaraya Melaka, [2022822082@student.uitm.edu.my](mailto:2022822082@student.uitm.edu.my)

<sup>d</sup>UiTM Kampus Bandaraya Melaka, [2022841706@student.uitm.edu.my](mailto:2022841706@student.uitm.edu.my)

<sup>e</sup>\*UiTM Kampus Alor Gajah Melaka, [nortasik@uitm.edu.my](mailto:nortasik@uitm.edu.my)

\*Corresponding author

### ARTICLE INFO

Received:

25/02/2025

Received In Revised Form:

07/03/2025

Accepted:

10/03/2025

Available Online:

20/03/2025

Keywords:

Halal;  
logo halal;  
JAKIM

DOI:

[10.24191/JIPSF/v7n12025\\_1-11](https://doi.org/10.24191/JIPSF/v7n12025_1-11)

### Abstrak

Logo halal merupakan salah satu komponen yang penting dalam urusan jual beli dalam kalangan Muslim kerana ia menjadi penunjuk bahawa produk yang dikeluarkan telah memenuhi syarat-syarat dan syariat yang telah ditetapkan oleh agama Islam. Usul untuk permohonan dan penggunaan logo halal ini adalah sangat bernes, kerana ia menunjukkan bahawa pembeli yang beragama Islam semakin mementingkan status halal sesuatu produk bagi mengelakkan mereka daripada membeli produk yang tidak halal secara tidak sengaja. Namun begitu, masih ada sesetengah daripada masyarakat yang masih tidak cakna tentang kepentingan logo halal ini dan sedikit sebanyak boleh mempengaruhi kehidupan mereka. Mereka juga menganggap bahawa status halal hanya tertakluk kepada makanan sahaja, walhal ia juga merangkumi produk lain seperti produk kosmetik, produk penjagaan muka dan ubat-ubatan. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap kesedaran pengguna di Malaysia terhadap produk berdasarkan logo halal, dan seberapa banyak mereka bergantung kepada logo halal dalam urusan jual beli. Kajian ini dijalankan berdasarkan tinjauan dan juga rujukan daripada jurnal terdahulu, laporan, artikel, petikan berita dan sebagainya. Tinjauan ini dilakukan secara umum tanpa menyasarkan mana-mana kumpulan pengguna yang khusus di Malaysia.

## THE AWARENESS OF CONSUMERS TOWARD HALAL LOGO-BASED PRODUCTS

### Abstract

The halal logo is one of the most important components in the buy and sell matters among Muslims as it is the indicator that the products have fulfilled the requirements and Islamic Syariah. The proposed idea for the application and usage of the halal logo is very discreet because it shows that Islamic buyers have prioritized the halal status of a product to prevent them from buying illegal products accidentally. However, there are still some buyers who do not take seriously the importance of a halal logo that could influence their lives to some extent. They also think that the halal status only subjected to foods only, when it also involves other products such as

*cosmetics, skincare, medicine, and others. So, this study was conducted to know the level of awareness of users in Malaysia towards products with halal logos, and their dependency on halal logos in buy and sell matters. This study is conducted based on a survey and also references from previous journals, articles, reports, news, and more. This survey was done generally without focusing on specific groups in Malaysia.e*

*Keywords:* Halal, halal logo, products, buyers' awareness, JAKIM

## PENGENALAN

Logo halal adalah simbol yang membawa makna besar bagi umat Islam, khususnya di Malaysia. Walaupun kelihatan sederhana dari segi visual, logo ini memberikan jaminan kepada pengguna Muslim bahawa sesuatu produk telah memenuhi syarat-syarat syariat Islam. Ia bukan sahaja membantu umat Islam memastikan produk yang digunakan adalah sah dari sudut agama, tetapi juga mencerminkan nilai kebersihan, keselamatan, dan kualiti (Ros Mahwati, 2017). Halal berasal daripada perkataan Arab yang ditakrifkan dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat sebagai sesuatu yang dibenarkan, diperbolehkan, atau tidak melanggar hukum dalam Islam. Kehalalan sesuatu produk amat berkait rapat dengan aspek-aspek seperti bahan yang digunakan, cara pengendalian, dan proses pengeluaran.

Di samping itu, begi sesetengah pengguna, terutamanya golongan muda, tahap kesedaran mereka tentang pemilihan produk halal semakin meningkat, kerana terdapatnya pendedahan di media sosial yang menyebabkan mereka lebih peka terhadap logo halal pada produk dan sering mencari maklumat tambahan seperti kandungan dalam barang tersebut sebelum melakukan pembelian.

Akan tetapi, terdapat juga sebuah kajian yang lain oleh Kaur, Kamarjeet, et al. (2008), di mana kajian tersebut telah mendapati bahawa status halal pada produk bukanlah keutamaan terhadap pembeli, kerana mereka lebih menitikberatkan kualiti, harga dan juga jenama barang tersebut. Misalnya, Charlotte Tilbury, sebuah jenama barang kosmetik daripada luar negara yang tidak mempunyai logo halal, akan tetapi masih terdapat pengguna muslim yang membeli produk tersebut kerana kualiti yang ditawarkan.

Oleh itu, dalam Islam, pemilihan makanan, minuman dan juga produk halal mempunyai matlamat yang sangat jelas, iaitu memelihara jiwa dan akal. Konsep ini tidak hanya berkaitan dengan fizikal tetapi juga menyentuh aspek spiritual. Kehalalan sesuatu makanan dan produk adalah berdasarkan sifat dan zat perkara tersebut yang dinyatakan secara jelas dalam Al-Quran dan Al-Sunnah. Allah SWT menjelaskan bahawa yang dihalalkan adalah makanan yang baik (NoorFazreen, & Asmak 2010). Umat Islam haruslah memakan makanan yang halal dan menggunakan produk halal, seperti sebuah hadis baginda Rasulullah SAW,

**Maksudnya:** “*Yang halal itu ialah sesuatu yang dihalalkan Allah SWT di dalam Kitab-Nya dan yang haram itu sesuatu yang diharamkan Allah SWT di dalam Kitab-Nya. Dan mana-mana yang didiamkan-Nya sahaja, maka ianya termasuk apa yang dimaafkan buat kamu.”*

Riwayat al-Tirmizi dan Ibn Majah

Justeru itu, agama Islam telah menggariskan beberapa prinsip yang perlu dipatuhi antaranya, menitik beratkan cara penyediaan dan pemprosesan makanan dan produk serta memastikan agar bahan yang digunakan tidak mendatangkan kemudarat pada tubuh badan dan akal fikiran. Kini, isu dan pemilihan produk barang halal telah menjadi keutamaan bagi pengguna Muslim, yang menyebabkan pemilihan produk yang mempunyai logo halal semakin diberi perhatian oleh pengguna di Malaysia. Oleh yang demikian, kertas kerja ini akan melihat sejauh mana tahap kesedaran pengguna di Malaysia terhadap produk berasaskan logo halal, selain meneliti sejauh mana logo halal ini mempengaruhi keputusan pembelian mereka.

## KAJIAN LITERATUR

Bahagian ini akan membincangkan mengenai kajian-kajian lepas yang telah diteliti berkaitan dengan kajian mengenai kesedaran pengguna terhadap produk berasaskan logo halal. Menurut Kamus Dewan

Edisi Keempat, produk bermaksud sesuatu barang atau perkhidmatan dan sebagainya yang dikeluarkan oleh kilang, atau ditawarkan oleh industri (Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2017). Produk adalah sesuatu yang ditawarkan di pasaran oleh pengeluar dan mempunyai ciri-ciri yang boleh dilihat iaitu warna, berat, harga dan ciri-ciri tidak ketara seperti keberkesanan dan kepuasan dimana ciri-ciri ini penting diperlukan oleh pengguna. Sebagai umat Islam, kita dituntut untuk membeli produk yang cukup sifatnya dan membawa kebaikan dan bukannya mudarat kepada kita. Selain daripada memastikan produk tersebut cukup sifat dan membawa kebaikan, pengguna Muslim juga dituntut untuk memilih produk yang memenuhi dua kriteria halal dan baik, Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

Maksudnya : “*Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik*”

Surah al-Baqarah (168)

Menurut jurnal yang ditulis oleh Husna Abdul Halim, beliau menjelaskan penjenamaan halal telah diperluaskan dengan menyatukan konsep halal iaitu diizinkan, dibernarkan dan dibolehkan (Husna Abdul Halim et al., n.d.). Di Malaysia, penjenamaan logo halal masih lagi perlu diberikan perhatian. Hal ini demikian kerana masih terdapat lagi isu-isu yang dibangkitkan mengenai status halal sesuatu produk. Perkara ini terjadi kerana terdapat segelintir syarikat pengeluar yang tidak mengambil berat terhadap beberapa elemen mengenai produk mereka dalam mendapatkan pensijilan halal dari JAKIM. Sebagai contoh, terdapat pengeluar yang menggunakan logo atau simbol yang mencurigakan atau membuatkan pengguna muslim menjadi was-was dengan produk tersebut. Logo dan simbol halal menjadi identiti bagi sesuatu produk untuk menunjukkan produk tersebut adalah halal untuk dikonsumi oleh umat Islam.

Kesedaran pengguna atau pengetahuan pengguna terhadap kepentingan produk yang halal masih lagi berada pada tahap yang belum memuaskan kerana banyak kajian-kajian lepas telah menunjukkan bahawa masih terdapat lagi pengguna yang membeli dan mengkonsumi produk yang statusnya diragui tidak halal tanpa menyemak terlebih dahulu logo halal yang dicetak pada bungkus produk atau bahangan yang digunakan di dalam produk tersebut. Selain daripada pengguna, kesedaran pengeluar juga masih di tahap yang rendah. Seperti yang kita ketahui, pemakaian logo halal dapat dilihat digunakan oleh syarikat-syarikat besar tempatan dan juga antarabangsa. Namun begitu, bilangan syarikat kecil dan sederhana (IKS) yang memohon sijil halal daripada JAKIM masih lagi kurang. Hal ini demikian kerana Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) mendakwa proses untuk mendapatkan status halal adalah rumit, memerlukan dan terlalu ketat. Jadi, ramai pengusaha IKS tidak memohon sijil halal daripada JAKIM (Razif et al., n.d.). Kajian-kajian lepas ini akan digunakan sebagai rujukan bagi membantu menyokong kajian artikel ini untuk mengupas lebih lanjut tentang kesedaran pengguna terhadap produk berdasarkan logo halal.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian artikel ini dibuat adalah untuk mengenalpasti masalah tahap kesedaran pengguna terhadap produk berdasarkan logo halal. Daripada dapatan kajian menunjukkan terdapat pelbagai isu-isu yang wujud disebabkan permasalahan dari segi pemakaian logo halal di Malaysia, kefahaman pengguna sendiri terhadap produk halal dan jenis produk-produk yang digunakan oleh pengguna di Malaysia. Sebelum mengupas lebih lanjut, penyelidik telah mendapatkan maklumat dari pelbagai jenis sumber data yang berasal dari kajian jurnal, laporan, dan artikel.

Secara keseluruhannya, konsep penggunaan logo halal di Malaysia berkait rapat dengan produk yang digunakan dan kepada pengguna itu sendiri dimana apabila wujudnya pelbagai versi logo halal dipasaran, pengguna akan keliru tentang produk itu dan menyebabkan mereka tidak mengambil berat tentang logo halal standard sebenar untuk versi luar negara contohnya dan ini membuatkan mereka tidak peka serta bergantung sepenuhnya kepada badan yang bertanggungjawab untuk memantau produk logo halal tersebut. Seperti yang kita tahu bahawa di Malaysia, kita hanya mempunyai satu logo standard yang digunakan oleh pengeluar produk iaitu logo halal Malaysia yang dikeluarkan oleh pihak bertanggungjawab seperti JAKIM, JAIN dan MAINS (Pauzi et al., 2024).

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan metodologi kajian di atas, dapat dilihat bahawa isu ini telah dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu; konsep penggunaan logo halal di Malaysia, kefahaman pengguna terhadap logo halal dan jenis produk.

### Konsep penggunaan logo halal di Malaysia

Logo halal menjadi penentu kepada pengguna dalam memastikan status halal bagi sesuatu makanan atau produk. Seperti yang sedia maklum, penggunaan logo halal boleh merangkumi proses yang dijalankan oleh pengeluar bagi pelbagai jenis produk seperti makanan, produk kecantikan, produk keperluan dan sebagainya. Di Malaysia, kita hanya mempunyai satu logo standard yang boleh digunakan oleh pengeluar produk iaitu logo halal Malaysia yang dikeluarkan dan diiktiraf oleh pihak bertanggungjawab iaitu JAKIM, JAIN dan MAINS (Pauzi et al., 2024). Namun begitu, terdapat juga agensi pensijilan lain yang diiktiraf di peringkat kebangsaan yang mempunyai kuasa untuk mengiktiraf logo halal mengikut negara masing-masing. Di Malaysia, logo halal menunjukkan bahawa produk tersebut halal digunakan, namun terdapat juga faktor yang perlu dipertimbangkan bagi jenis logo halal yang boleh dilabelkan pada barang dan produk yang dijual di pasaran. Antaranya adalah, produk yang diimport dari negara luar seperti ramen yang mempunyai logo halal selain Malaysia, disebabkan oleh pengguna yang terpengaruh dengan trend makanan masa kini (Nisma et al.).

Disebabkan itu, wujud segelintir pengeluar dalam industri berkaitan yang menggunakan logo halal palsu yang mungkin berpunca daripada proses permohonan logo halal yang agak ketat dan tegas, menyebabkan terdapat premis yang menggunakan logo halal yang tidak mendapat kelulusan dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di produk keluaran mereka. Mereka menjalankan kegiatan ini bertujuan untuk memudahkan proses bagi pihak mereka serta memperoleh kepercayaan terutama kepada pengguna Islamik (Salah Guna Logo Halal JAKIM, n.d.). Oleh hal yang demikian, pengguna terdedah kepada masalah pemalsuan logo halal yang kelak akan menimbulkan kesan negatif kepada jenama produk tersebut atau pengguna itu sendiri. Disertakan di bawah adalah statistik syarikat yang memohon untuk medapatkan sijil logo halal daripada JAKIM.

Table 1. Statistik Pengesahan Permohonan Persijilan Halal Malaysia Mengikut Tahun

TAHUN	BUMI			NON-BUMI			JUMLAH			
	IK	IKS	MUL	IK	IKS	MULTI	IK	IKS	MULTI	JUMLAH
TI										
<b>2007</b>	96	42	41	215	175	286	311	217	327	<b>855</b>
<b>2008</b>	157	73	87	277	251	439	434	324	526	<b>1284</b>
<b>2009</b>	142	61	86	305	249	413	447	310	499	<b>1256</b>
<b>2010</b>	255	105	112	467	326	566	722	431	678	<b>1831</b>
<b>2011</b>	252	73	82	353	268	506	605	341	588	<b>1534</b>
<b>2012</b>	681	239	176	1159	724	1018	1840	963	1194	<b>3997</b>
<b>2013</b>	766	213	154	1074	610	779	1840	823	933	<b>3596</b>
<b>2014</b>	1088	271	218	1645	833	1218	2733	1104	1436	<b>5273</b>
<b>2015</b>	1205	263	225	1605	956	1186	2810	1219	1411	<b>5440</b>

<b>2016</b>	1243	215	302	1761	1035	1355	3004	1250	1657	<b>5911</b>
<b>2017</b>	1506	213	331	2258	1288	1461	3764	1501	1792	<b>7057</b>
<b>2018</b>	1663	251	357	2359	1317	1598	4022	1568	1955	<b>7545</b>
<b>2019</b>	1913	275	374	2917	1591	1774	4830	1866	2148	<b>8844</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>10967</b>	<b>2294</b>	<b>2545</b>	<b>16395</b>	<b>9623</b>	<b>12599</b>	<b>27362</b>	<b>11917</b>	<b>15144</b>	<b>54423</b>

Sumber: *IK Industri Kecil, IKS Industri Kecil dan Sederhana, MULTI Multinasional*

Dalam membincangkan elemen dalam konsep halal, ianya boleh dibahagikan kepada beberapa elemen iaitu nama jenama itu sendiri, logo dan simbol, slogan dan pembungkusan. Nama produk perlulah dari sumber yang baik dan tidak mendarangkan maksud yang negatif. Nama produk seperti Root Beer mendatangkan keraguan kerana beer merujuk kepada arak iaitu minuman yang haram. Dari segi logo dan simbol, pengeluar perlu memilih atau mereka logo dan simbol yang bersesuaian selagi tidak melanggar hukum syarak. Simbol seperti tanda salib, unsur black metal, perkara yang haram amatlah ditolak dalam Islam kerana boleh mendatangkan keraguan terhadap umat Islam. Selain daripada itu, slogan juga amat penting dalam memasarkan sesuatu produk kerana ia dapat memberi gambaran jenama produk itu tanpa melibatkan visual yang menunjukkan peri pentingnya penggunaan slogan yang baik dalam perniagaan. Sebagai contoh, slogan oleh syarikat Burger King iaitu ‘Have it your way’ yang bermaksud ikut cara anda. Slogan seperti ini memberi imej kepada pengguna bahawa syarikat ini menggalakkan pengguna untuk merasa bebas dalam pemilihan menu dan cara untuk menikmati menu mereka, dan tidak membawa maksud atau unsur yang tidak baik. Slogan yang berlebihan dan tidak baik juga tidak dibenarkan dalam Islam oleh kerana agama Islam amat menekankan adab dalam perniagaan yang secara telus dan berunsur halal.

Bagi elemen pembungkusan pula, pembungkusan adalah elemen penting dalam proses permohonan logo halal kerana fungsinya adalah untuk melindungi produk, menjadikan produk lebih rapi dan memberi kemudahan kepada kedua-dua pengeluar dan pembeli untuk mengendalikan produk (Husna Abdul Halim et al., n.d.). Dalam konteks halal, pembungkusan tersebut perlulah diperbuat daripada sumber yang halal dan tidak memdatangkan bahaya kepada pengguna. Pembungkusan juga perlu dimasukkan perincian seperti nama kod, bahan, alamat pengilang, dan tarikh luput. Kesemua elemen ini sedikit sebanyak mempengaruhi faktor untuk sesebuah produk itu adalah sah untuk diiktiraf sebagai produk yang halal.

### **Kefahaman pengguna terhadap logo halal**

Di zaman kemajuan teknologi kini, terdapat ramai pengguna yang sedar akan kepentingan untuk mencari produk yang mempunyai logo halal terutama dalam kalangan orang beragama Islam. Tuntutan agama merupakan faktor terbesar yang mempengaruhi pengguna untuk berhati-hati dalam pemilihan produk yang berlogo halal. Hal ini demikian kerana persepsi pengguna terhadap logo halal tidak menjamin kesahihan produk tersebut atas sebab isu-isu pemalsuan logo yang telah tersebar secara meluas (Rahim, 2016). Kurangnya kefahaman dan kesedaran tentang informasi terkini berkaitan pengetahuan logo yang diiktiraf menjadi antara punca pengguna masih keliru dengan status logo yang diiktiraf, logo halal yang digunakan di luar negara dan logo halal palsu.

Namun begitu, kesedaran pengguna atau pengetahuan pengguna terhadap kepentingan produk yang halal masih lagi berada pada tahap yang rendah. Kajian-kajian lepas telah menunjukkan bahawa masih terdapat lagi segelintir pengguna yang membeli dan mengkonsumi produk tersebut tanpa menyemak dahulu logo halal yang dicetak pada bungkusan produk atau bahan-bahan yang digunakan di dalam produk tersebut. Keadaan ini menyebabkan masyarakat khususnya pengguna mencari jalan mudah

dengan bergantung sepenuhnya kepada agensi-agensi yang bertanggungjawab dalam hal ini (Firdaus Muhammad Sabri et al., n.d.).

Selain daripada menyemak logo halal di pembungkusan, pengguna juga jarang untuk menyemak dan meneliti status halal sesebuah premis terutama premis makanan / restoran sama ada milik muslim ataupun bukan muslim. Menerusi Berita Harian, pemeriksaan pihak berkuasa terhadap premis makanan dari 11 hingga 31 Januari tahun 2019 sahaja, mendapati 28 restoran daripada 1,975 premis secara sengaja menyalahgunakan imej Islam. Ini termasuklah memaparkan ayat al-Quran, bagi menarik pelanggan Islam (Dr Nurul Aini Muhammed, 2019). Perkara seperti ini mengakibatkan pengguna keliru dan bagi mereka yang tidak meneliti secara terperinci akan tertipu dan meneruskan pembelian makanan di premis tersebut. Menurut Mufti Selangor, penipuan oleh pengeluar bertujuan untuk mengaburi dan menipu orang ramai bagi mendapatkan keuntungan adalah dilarang (Nor Hanani Ahmad, 2023). Ia juga disokong oleh hadis Nabi SAW yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah:

**Maksudnya:** “*Sesiapa yang menipu maka dia bukan daripada kalangan kami*”

(Riwayat Muslim)

Ini mengakibatkan sensitiviti dan pengetahuan masyarakat dan pengguna terhadap logo halal yang diiktiraf berada pada tahap yang rendah. Perkara ini sukar dibendung kerana terdapat segelintir masyarakat yang kurang didedahkan tentang penggunaan logo halal. Umat Islam perlu mencari produk yang halal kerana Islam amat menekankan agar umatnya untuk mementingkan halal dan berkhasiat dalam produk makanan, minuman, ubat-ubatan ataupun kosmetik. Hal ini demikian kerana produk yang berkhasiat bukan sahaja mengambil kira zat yang ada dalam kandungan produk tersebut, namun dari segi kebersihan dan halal juga perlu diberikan perhatian (Buang & Hamidon, 2016).

Tambahan lagi, apabila wujudnya pelbagai versi logo halal di pasaran, pengguna menjadi keliru dan kurang yakin menyebabkan mereka tidak mengambil berat tentang logo halal sebenar yang diiktiraf di dalam dan luar negara. Ini membuatkan mereka tidak peka serta bergantung sepenuhnya kepada badan yang bertanggungjawab untuk memantau produk yang menggunakan logo halal tersebut. Pengguna juga mendapati bahawa logo halal JAKIM sahaja tidak cukup untuk meyakinkan status halal barang tersebut tetapi dengan adanya logo ini dapat membantu sedikit sebanyak kepada pengguna untuk memilih produk yang sepatutnya (Research & 2016, n.d.). Justeru itu, kefahaman dan persepsi pengguna dan setiap individu itu berbeza atas faktor sifat, agama dan keadaan yang membuatkan mereka kurang cakna dengan standard logo halal yang sebenar (Research & 2016, n.d.). Secara keseluruhannya, pengetahuan yang mendalam tentang logo halal dapat memberi kesan yang baik kepada pengguna dalam membuat pemilihan sesuatu produk yang selari dengan tuntutan syariat Islam (RAFDI et al., n.d.).


### **Jenis produk**

Dalam memastikan proses mendapatkan logo halal boleh dijalankan, jenis produk yang dikeluarkan juga memainkan peranan penting bagi memastikan ianya selari dengan panduan yang dikeluarkan oleh badan bertanggungjawab dan memenuhi tuntutan syariat Islam. Dengan perkembangan era teknologi kini, masyarakat didedahkan dengan pelbagai pilihan dalam setiap kategori produk yang menawarkan banyak jenama yang berbeza sama ada produk lokal atau antarabangsa. Jadi, isu yang dibangkitkan oleh pengguna adalah kandungan bahan yang terdapat dalam produk tersebut (Norlee, 2020). Antara contoh jenis produk yang mendapat perhatian di Malaysia adalah dari segi produk makanan, kosmetik dan farmaseutikal yang halal. Sebagai contoh, terdapat satu isu berkaitan produk farmaseutikal di mana ada penggunaan unsur gelatin dalam produk dan ada segelintir pengguna yang leka dan tidak cakna tentang penghasilan gelatin ini yang diperbuat dari tulang dan kulit haiwan yang tidak diketahui asal usul dan statusnya (Abdul et al., 2010).

Bukan itu sahaja, produk kosmetik juga semakin diterima ramai oleh pengguna di Malaysia sama ada lelaki ataupun wanita. Akan tetapi, terdapat kegagalan dalam mematuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa yang menunjukkan adanya penggunaan bahan-bahan terlarang seperti racun berjadual dan unsur-unsur haram serta najis yang masih wujud sehingga kini (Norlee, 2020).

Berdasarkan satu laporan Berita Harian daripada Kementerian Kesihatan, salah satu pengeluar produk kosmetik telah menggunakan hydroquinone iaitu sejenis racun merkuri yang berfungsi untuk memberi kesan segera kepada pengguna bagi mengatasi masalah jerawat dan untuk mencerahkan kulit (Kementerian Kesihatan Kesan Lima Produk Kosmetik Beracun, n.d.)

Permohonan logo dan sijil halal bukanlah suatu perkara yang mudah kerana perlu melalui pelbagai proses untuk memastikan sesuatu perniagaan itu memenuhi syarat sebagai produk yang halal sepenuhnya. Antara faktor yang perlu dititik beratkan adalah sumber bahan mentah, kebersihan tempat proses produk tersebut dan lain-lain lagi. Namun begitu, negara Malaysia juga menerima beberapa logo halal dari negara luar namun perlu mendapat pengiktirafan dan pengesahan oleh JAKIM terlebih dahulu.



**Rajah 1.** Logo halal JAKIM yang sah di Malaysia

Logo halal yang sah dan diiktiraf perlulah mempunyai ciri-ciri berikut:

1. 2 bintang yang mempunyai 5 bucu, diletakkan di sebelah kiri dan kanan bagi memisahkan perkataan “MALAYSIA”
2. Perkataan “HALAL” di tengah logo
3. Perkataan di baris atas merujuk kepada Piawaian Malaysia yang mana untuk dasar pensijilan halal. Sebagai contoh, MS 1500:2009 merujuk kepada standard “Makanan Halal”. Manakala, perkataan di baris bawah menunjukkan 10 digit terakhir yang diperoleh daripada nombor rujukan fail permohonan halal. Nombor ini boleh dicari di Portal Direktori Halal Malaysia.
4. Perkataan “MALAYSIA” di sepanjang bahagian atas logo.
5. Perkataan halal dalam tulisan jawi di tengah logo, dan diletakkan atas tulisan “HALAL” yang rumi.
6. Perkataan “Malaysia” dalam tulisan jawi di bahagian bawah logo.



Rajah 2. Contoh logo halal luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM



Rajah 3. Contoh logo halal luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM

Tidak dinafikan, masyarakat kini lebih cakna tentang kepentingan untuk menggunakan produk yang mempunyai logo halal yang sah. Hal ini disebabkan oleh kemajuan teknologi yang membolehkan masyarakat untuk mendapatkan maklumat dengan mudah di media sosial, laman berita dan sumber-sumber informasi yang lain. Pengguna juga didedahkan dengan isu-isu yang akan timbul sekiranya mereka mengetepikan tuntutan agama dan mengutamakan kehendak sendiri sehingga mengabaikan keperluan untuk menggunakan produk yang halal. Tambahan lagi, kemajuan teknologi zaman kini juga telah membawa kepada pembangunan sistem yang baru dan mudah untuk digunakan di mana-mana.

Antaranya adalah sistem yang disediakan oleh JAKIM iaitu Direktori Halal Malaysia ((JAKIM), 2020) dan juga SmartHalal (Tarmiji, 2021) yang membolehkan pengguna untuk memeriksa status halal sesuatu perniagaan dengan cepat dan mudah. Sistem yang efektif ini telah memudahkan pengguna untuk memilih perniagaan yang halal dan tidak menjadi sebab kepada mereka untuk mencari alasan bagi mengabaikan kepentingan status dan logo halal ini.

Keperluan untuk memohon sijil dan logo halal tidak hanya tertakluk kepada produk makanan sahaja, tetapi juga jenis produk lain seperti produk kosmetik, produk penjagaan kulit, ubat-ubatan dan sebagainya. Hal ini demikian untuk memastikan pengguna terpelihara daripada sumber yang haram yang tidak hanya pada dalaman, tetapi juga secara luaran. Perkara ini dikuatkan lagi dengan isu yang pernah berlaku pada tahun 2022, di mana terdapat produk kosmetik yang menggunakan bahan yang mengandungi babi dalam penghasilan produk tersebut (Aling, 2022). Maka, pengguna perlulah menjadi bijak dan lebih berhati-hati semasa membeli barang seperti ini untuk mengelakkan isu ini daripada berlaku lagi. Begitu juga dengan peniaga, mereka juga perlu memastikan produk yang dihasilkan memenuhi syarat sebagai produk yang halal supaya dapat mematuhi tuntutan agama dan meyakinkan pengguna, ditambah pula dengan populasi majoriti di Malaysia adalah beragama Islam.

## **PERBINCANGAN**

Secara keseluruhannya, persoalan kajian tentang kesedaran pengguna terhadap produk berasaskan logo halal telah terjawab melalui data-data dan dapatan yang telah dicari dari segi konsep pemakaian logo halal, kefahaman pengguna itu sendiri dan jenis produk yang berada di pasaran. Perkara ini secara tidak langsung telah membawa kepada tercetusnya tanda tanya di mana adakah pengguna masih bergantung kepada logo halal tersebut dalam memilih produk? Jika dapatan kajian ini diteliti dengan lebih mendalam, pengguna Muslim terutamanya sesetengah daripada mereka akan berhadapan kesukaran untuk memilih produk atas dasar wujudnya pelbagai logo yang pada akhirnya segelintir pengguna mengambil sambil lewa terhadap produk yang dipilih.

Produk halal yang mempunyai logo juga mempengaruhi sesuatu produk perniagaan untuk mendapat pasaran yang lebih meluas yang menjadi satu fenomena kepada perniagaan untuk memenuhi keperluan masyarakat sekeliling. Berdasarkan perbincangan ini, kebergantungan Muslim kepada logo halal adalah diperlukan kerana logo standard yang dikeluarkan oleh badan berkuasa membantu pengguna memilih produk dengan lebih teliti. Justeru, apakah punca-punca lain yang bakal mempengaruhi tahap kesedaran pengguna kepada produk berasaskan logo halal tersebut? Maka persoalan ini layak diteliti untuk kajian-kajian yang akan datang. Tahap kesedaran pengguna mempengaruhi tingkah laku dengan bagaimana atau mengapa individu ingin membeli pelbagai jenis produk yang berbeza merujuk kepada psikologi pengguna terhadap menilai sesuatu produk tersebut.

## **KESIMPULAN**

Agama Islam amat mementingkan umatnya untuk mengambil barang atau makanan dari sumber yang halal. Sebagai umat Islam, kita perlulah mendalami konsep halal secara terperinci. Logo halal sememangnya amat penting bagi pengguna untuk mengelakkan diri daripada menjadi was-was dalam menggunakan produk yang berada di pasaran. Tidak dapat dinafikan bahawa ianya sememangnya sukar bagi pihak yang berkuasa seperti JAKIM untuk mengawasi produk-produk dan pengeluar-pengeluar di Malaysia termasuk juga pengeluar IKS untuk menjamin kehalalan produk mereka. Hal ini kerana semakin lama semakin bertambah lambakan produk dari berbagai pengeluar seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Namun begitu, pengguna itu sendiri juga perlu menjalankan tanggungjawab pada diri mereka sendiri dengan menjadi lebih berhati-hati dan mengenal pasti tahap kehalalan produk yang dipilih dengan menggunakan pengetahuan dan ilmu yang ada berkaitan dengan kesahan syarat halal sesuatu produk.

Logo halal menjadi penanda penting yang memberikan keyakinan kepada pengguna bahawa produk tersebut tidak hanya mematuhi hukum agama islam, tetapi juga mematuhi piawaian keselamatan produk. Walaubagaimanapun, isu dan cabaran seperti kurangnya tahap pemahaman tentang logo halal yang sah

dan ketidaktentuan dalam penguatkuasaan peraturan masih wujud. Oleh itu, beberapa pihak perlu memainkan peranan yang penting seperti dari segi usaha pendidikan dan penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat perlu dipertingkatkan untuk memastikan pengguna dapat membuat pilihan yang lebih bijak dan berinformasi dalam membeli produk halal. Semoga dengan kajian ini, pengguna akan lebih cakna terhadap pemilihan produk yang halal.

## **PERTEMBUNGAN KEPENTINGAN**

Penulis mengisyiharkan bahawa tiada pertembungan kepentingan dalam penghasilan artikel ini.

## **SUMBANGAN PENULIS BERSAMA**

Artikel ini dihasilkan melalui kerjasama lima (5) orang penulis yang menyumbang kepakaran dan pengetahuan masing-masing dalam pelbagai aspek. Penulis 1 berperanan sebagai ketua yang bertanggungjawab merangka idea utama, menentukan skop penulisan, dan menyusun struktur artikel secara keseluruhan. Penulis 2 menyumbang kepada kajian literatur dengan mengumpul dan menganalisis sumber-sumber rujukan berkaitan produk halal di Malaysia. Penulis 3 memfokuskan kepada bentuk-bentuk logo halal yang diiktiraf di Malaysia. Penulis 4 pula mengkaji isu-isu berkaitan kesedaran penggunaan terhadap logo halal. Penulis 5 menyumbang kepada penyuntingan akhir dan memastikan artikel dilengkapkan dengan sempurna sebelum dihantar ke jurnal.

## **RUJUKAN**

- JAKIM) J. K. (9 December, 2020). *Semakan Status Halal*. Retrieved from Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM): <https://www.islam.gov.my/en/12-orang-awam/2308-semakan-status-halal>
- PPIM, P. P. (18 March, 2021). *Pastikan Logo Halal Yang Diiktiraf JAKIM*. Retrieved from Facebook: [https://www.facebook.com/ppim.official/photos/jika-anda-mahu-membeli-produk-terutamanya-yang-datang-dari-luar-negara-pastikanl/4009615115757597/?locale=ms\\_MY](https://www.facebook.com/ppim.official/photos/jika-anda-mahu-membeli-produk-terutamanya-yang-datang-dari-luar-negara-pastikanl/4009615115757597/?locale=ms_MY)
- Aris, Noorfazreen Mohd, and Asmak Ab Rahman. "PELAKSANAAN DASAR SEKURITI MAKANAN DI MALAYSIA : KAJIAN DARIPADA PERSPEKTIF EKONOMI ISLAM." *Jurnal Syariah*, vol. 19, no. 1, 1 Jan. 2011, pp. 39–62, [ejurnal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/22642](http://ejurnal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/22642).
- Aling, Y. D. (8 April, 2022). *Bahan kosmetik ada babi: Jakim digesa nasihati pengguna TikTok*. Retrieved from Harian Metro: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/04/829882/bahan-kosmetik-ada-babi-jakim-digesa-nasihati-pengguna-tiktok>
- Azri, N. A. (16 October, 2022). *Halal Malaysia Logo*. Retrieved from Embassy of Malaysia, Santiago, Ministry of Foreign Affairs, Malaysia: [https://www.kln.gov.my/web/chl\\_santiago/news-from-mission-/blogs/malaysia-halal-logo](https://www.kln.gov.my/web/chl_santiago/news-from-mission-/blogs/malaysia-halal-logo)
- Dewan Bahasa Dan Pustaka. (2017). *Produk*. Dewan Bahasa Dan Pustaka Malaysia.
- Dr Nurul Aini Muhamed. (2019). Keprihatinan pengguna kawal etika industri halal. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/04/557678/keprihatinan-pengguna-kawal-etika-industri-halal>
- Firdaus Muhammad Sabri, M., Fadhlil Rahman, Muizz Mohamed Salleh & Fadzirul Kamarubahrin, A. (n.d.). *E-JOURNAL OF THE 8TH EDITION ON ARABIC STUDIES & ISLAMIC CIVILIZATION 2021 Pemahaman Pengguna Muslim Terhadap Karakteristik Logo Halal Yang Diiktiraf JAKIM: Satu Kajian Rintis*. <https://worldconferences.net>
- HalalXplorer, T. (14 September, 2023). *Bercuti ke Luar Negara ? Ini Dia 84 Logo Halal Luar Negara Diiktiraf JAKIM Yang Anda Perlu Tahu !* Retrieved from The HalalXplorer: <https://myhalalxplorer.com/blog/2023/bercuti-ke-luar-negara-ini-dia-84-logo-halal-luar-negara-diiktiraf-jakim-yang-anda-perlu-tahu/>
- Hidayat Buang, A., & Fatimah Hamidon, S. (2016). *Halal, Haram dan Syubhah dalam Makanan dari Perspektif Syariah dan Undang-undang* (Vol. 6, Issue 1). <http://ejurnal.um.edu.my/publish/albasirah/> البصرية

- Husna Abdul Halim, A., Faiz Mohamed Yusof, M., & Effendi Hashim, K. (n.d.). *Isu Penjenamaan Halal dalam Industri Makanan Berdasarkan Elemen Jenama.* <https://www.researchgate.net/publication/361633159>
- Kaur, Kamaljeet, et al. *Is Halal a Priority in Purchasing Cosmetics in Malaysia among Muslim Malaysian Women.* 2018, [www.semanticscholar.org/paper/Is-halal-a-priority-in-purchasing-cosmetics-in-Kaur](http://www.semanticscholar.org/paper/Is-halal-a-priority-in-purchasing-cosmetics-in-Kaur) Osman/35944dd55718ada3cca243752f854c7a060e5197.
- Kementerian Kesihatan kesan lima produk kosmetik beracun. (n.d.). Retrieved December 16, 2024, from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/01/380113/kementerian-kesihatan-kesan-lima-produk-kosmetik-beracun>
- Nor Hanani Ahmad. (2023). *Hukum Jual Beli Barang Tiruan.* Jabatan Mufti Negeri Selangor.
- Pauzi, N., Razali, A., Man, S., Syed Jaafar, S. M. J., & Jamaludin, M. H. (2024). Influence of customer intention on patronizing halal logo in the food premises of Malaysia. *Journal of Islamic Marketing.* <https://doi.org/10.1108/JIMA-05-2023-0158>
- Razif, A., Abd, R., & Rahman, A. (n.d.). *Kecaknaan Pengguna Muslim Terhadap Logo Halal Muslim's Intentions on Halal Logo.* <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2020-42IK-06>
- Ros Mahwati . “Logo Halal Malaysia Paling Dipercayai.” *Utusan Online,* 2017, [www.utusan.com.my/mega/agama/logo-halal-malaysia-palingdipercayai](http://www.utusan.com.my/mega/agama/logo-halal-malaysia-palingdipercayai). 1.477822
- Sulaiman, M. N. (11 June, 2021). *Statistik Pengesahan Permohonan Persijilan Halal Malaysia Mengikut Tahun.* Retrieved from data.gov.my: [https://archive.data.gov.my/data/ms\\_MY/dataset/statistik-pengesahan-permohonan-persijilan-halal-malaysia-mengikut-tahun](https://archive.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-pengesahan-permohonan-persijilan-halal-malaysia-mengikut-tahun)
- Tarmiji, M. F. (3 Februari, 2021). *SmartHalal platform kenal pasti produk halal.* Retrieved from Kosmo: <https://www.kosmo.com.my/2021/02/03/smarthalal-platform-kenal-pasti-produk-halal/>